



KASTAM DIRAJA MALAYSIA

CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN

**PANDUAN
KEDAI BEBAS CUKAI**

Penerbitan

Tarikh diterbitkan: 15 Jun 2017.

Panduan Kedai Bebas Cukai disemak sehingga 1 Januari 2017 ditarik balik dan digantikan dengan Panduan Kedai Bebas Cukai disemak sehingga 15 Jun 2017.

Notis Hak Cipta

Hak cipta 2017 Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

Hak cipta terpelihara. Tertakluk kepada Akta Hak Cipta, 1987 (Malaysia).

Panduan ini boleh ditarik balik, sama ada keseluruhannya atau sebahagian daripadanya dengan terbitnya suatu panduan baru. Tiada bahagian daripada penerbitan ini dibenarkan untuk diterbitkan semula, disimpan di dalam sistem perolehan kembali atau dipanjangkan dalam apa jua bentuk termasuk di dalam laman web untuk tujuan komersial tanpa kebenaran bertulis daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Dalam penghasilan semula atau pemetikan kandungan, perakuan sumber diperlukan.

Penolakan Tuntutan

Maklumat ini bertujuan memberi kefahaman umum tentang layanan berkenaan Cukai Barang dan Perkhidmatan dan memberi pemahaman yang lebih baik tentang kewajipan pembayar cukai. Ia bukannya bertujuan untuk mengemukakan pelbagai permasalahan percukaian yang mungkin timbul. Walaupun JKDM telah mengambil semua inisiatif bagi memastikan maklumat yang terkandung dalam Panduan ini adalah tepat, JKDM tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kesilapan dan ketidaktepatan atau sebarang kerugian kewangan atau lain-lain yang ditanggung oleh individu yang menggunakan maklumat daripada Panduan ini. Kesemua maklumat adalah terkini pada masa penyediaan dan tertakluk kepada perubahan apabila perlu.



KANDUNGAN

Pengenalan	1
Ikhtisar Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP).....	1
Operasi AM Industri.....	1
Jenis-jenis kedai bebas cukai	2
Barang yang boleh dibekalkan di KBC bebas daripada duti	2
Layanan CBP ke atas barang yang dibekalkan ke atau digunakan dalam KBC.....	4
Layanan CBP ke atas perkhidmatan yang dibekalkan ke atau digunakan dalam KBC.....	5
Layanan CBP ke atas barang yang dibekalkan oleh operator KBC	5
Tanggungjawab dan liabiliti operator KBC.....	5
Soalan lazim	7
Pertanyaan	9
Bantuan atau maklumat lanjut mengenai CBP	10



PENGENALAN

1. Panduan Industri ini disediakan untuk membantu perniagaan dalam memahami perkara berkaitan layanan Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP) ke atas Kedai Bebas Cukai (KBC).

Ikhtisar Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP)

2. Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP) adalah cukai berperingkat bagi penggunaan tempatan. CBP dikenakan ke atas semua pembekalan bercukai barang dan perkhidmatan kecuali bagi pembekalan yang dikecualikan secara khusus. CBP juga dikenakan ke atas pengimportan barang dan perkhidmatan ke Malaysia.

3. Pembayaran cukai dibuat secara berperingkat oleh perantara dalam proses pengeluaran dan pengedaran. Walaupun cukai dibayar di sepanjang rangkaian pengeluaran dan pengedaran, hanya nilai di tambah di setiap peringkat dikenakan cukai dan dengan itu mengelakkan cukai berganda.

4. Di Malaysia, seseorang yang didaftarkan di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 dikenali sebagai "orang berdaftar". Seorang orang berdaftar dikehendaki mengenakan CBP (cukai output) ke atas pembekalan barang dan perkhidmatan yang dibuat kepada pelanggannya. Dia dibenarkan untuk menuntut apa-apa CBP yang ditanggung bagi pembeliannya (cukai input) yang merupakan input bagi perniagaannya. Oleh itu, cukai ini bukanlah kos kepada perantara dan tidak wujud sebagai perbelanjaan dalam penyata kewangan mereka.

OPERASI AM INDUSTRI

5. Kedai Bebas Cukai (KBC) di Malaysia dilesenkan di bawah Seksyen 65D Akta Kastam 1967. KBC lazimnya beroperasi di lapangan terbang antarabangsa, pelabuhan, pusat bandar dan di sempadan-sempadan. KBC diwujudkan bertujuan untuk mempromosikan industri pelancongan di Malaysia, terutamanya kepada pelancong asing. Pelancong asing dan juga pelancong tempatan yang layak boleh membeli barang bebas daripada duti dan CBP di mana-mana KBC.



JENIS-JENIS KEDAI BEBAS CUKAI

6. Pada dasarnya, terdapat beberapa jenis KBC yang beroperasi di Malaysia seperti berikut:

(a) KBC di lapangan terbang

KBC ini biasanya terletak di bangunan terminal lapangan terbang. Ia bertujuan untuk membekalkan barang kepada krew dan penumpang pesawat.

(b) KBC di pelabuhan

Seperti di lapangan terbang, terdapat KBC di pelbagai pelabuhan di Malaysia seperti di Pelabuhan Klang, Pelabuhan Tanjung Pelepas, Terminal Feri Pasir Gudang, dan Terminal Feri Tanjung Belungkor di Johor Bahru.

(c) KBC di sempadan

KBC ini terletak di tempat pemeriksaan sempadan tertentu seperti di Padang Besar dan Bukit Kayu Hitam untuk membekalkan barangan bebas cukai kepada pelancong.

(d) KBC dalam negeri

Terdapat juga KBC dalam negeri seperti di Rantau Panjang dan Pengkalan Kubor yang terletak dalam Kawasan Utama Kastam tetapi berhampiran tempat pemeriksaan Kastam.

BARANG YANG BOLEH DIBEKALKAN DI KBC BEBAS DARIPADA DUTI

7. Di bawah Akta Kastam 1967 dan Peraturan-Peraturan Kastam 1977, tidak semua barang dibenarkan dijual bebas daripada duti di KBC. Dalam lain perkataan, hanya barang dalam kategori tertentu dibenarkan dijual atau dibekalkan bebas daripada duti. Barang yang dibenarkan dijual bebas daripada duti adalah seperti berikut:

(a) Barang makanan;



- (b) Coklat, gula-gula dan manisan;
- (c) Arak, rokok, tembakau;
- (d) Barang kulit;
- (e) Persediaan tandas;
- (f) Kain, pakaian, aksesori pakaian;
- (g) Kasut, topi;
- (h) Pinggan mangkuk, barang kaca (seramik, porselin, kaca);
- (i) Barang kemas;
- (j) Artikel berasaskan besi;
- (k) Mesin taip, mesin kira;
- (l) Perkakasan elektrik rumah;
- (m) Set telefon;
- (n) Media video dan Audio;
- (o) Penerima pancaran televisyen, Perakam video kaset, Penerima pancaran radio;
- (p) Alat permainan;
- (q) Pemetik api, Pen mata bola (plastik);
- (r) Barang sukan.

8. Barang yang duti import dan duti eksais telah dibayar tidak dibenarkan dibekalkan di KBC. Walau bagaimanapun, barang di bawah kategori tertentu yang dikilang di Malaysia seperti makanan, minuman dan barangan sebagai hadiah (contoh jam dan kamera) yang tidak berduti atau bercukai dibenarkan dijual di KBC tertakluk kepada syarat yang dikenakan oleh Ketua Pengarah.

9. Barang yang dinyatakan di atas (di perenggan 8) tidak tertakluk kepada duti atau cukai jualan sebelum ini. Walau bagaimanapun, pada masa ini barang tersebut adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard. Oleh itu, bagi memenuhi keperluan industri dan membolehkan operator KBC membekalkan barangan bebas CBP sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Butiran 3, Jadual Kedua Perintah

Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pelepasan) 2014, tindakan berikut hendaklah diambil:

- (a) Mana-mana syarikat yang memohon status KBC untuk menjual barangan yang tertakluk kepada CBP pada kadar standard, permohonan tersebut hendaklah dikemukakan kepada Pengarah Kastam Negeri sebelum dipanjangkan ke Ibu Pejabat Kastam untuk pertimbangan dan kelulusan Kementerian Kewangan.
- (b) Mana-mana syarikat yang telah mendapat status KBC pada masa ini dan berhasrat untuk menambah barangan jualan mereka dengan menjual barangan yang tertakluk kepada CBP, permohonan syarikat boleh dipertimbangkan oleh Pengarah Kastam Negeri untuk kelulusan.
- (c) Mana-mana syarikat yang telah dibenarkan menjual barangan yang tertakluk kepada CBP dengan kadar standard, senarai barangan tersebut hendaklah dikemukakan kepada Pengarah Kastam Negeri untuk kelulusan.

10. Kedai Bebas Cukai tidak dibenarkan membekal barang yang tidak tersenarai sebagai barang bebas cukai sebagaimana yang telah diluluskan oleh JKDM.

LAYANAN CBP KE ATAS BARANG YANG DIBEKALKAN KE ATAU DIGUNAKAN DALAM KBC

11. Pembayaran CBP bagi barang yang layak yang diimport adalah digantung apabila diimport oleh operator KBC. Pengimportan itu mestilah diikrar dalam borang yang ditetapkan (Kastam No.8).

12. Pembayaran CBP bagi barang yang diperolehi oleh operator KBC dari gudang berlesen juga digantung. Pengikraran bagi pergerakan barang dari gudang berlesen ke KBC mestilah dibuat dalam borang Kastam No.8.

13. Pembayaran CBP bagi pembekalan barang dari gudang eksais ke KBC adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard. Pengikraran bagi pergerakan barang dari premis tersebut ke KBC hendaklah dibuat dalam borang Eksais No.8.

14. Barang yang dibekalkan oleh pengilang tempatan termasuk syarikat berstatus Gudang Pengilang Berlesen ke KBC adalah dianggap sebagai pembekalan tempatan. Walaupun begitu, operator KBC boleh menuntut CBP yang dikenakan oleh pengilang tempatan sebagai kredit cukai input.

15. Barang yang dibekalkan ke KBC untuk kegunaan sendiri dalam KBC tersebut seperti komputer atau peralatan pejabat adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

LAYANAN CBP KE ATAS PERKHIDMATAN YANG DIBEKALKAN KE ATAU DIGUNAKAN DALAM KBC

16. Semua perkhidmatan yang dibekalkan ke atau untuk digunakan dalam KBC adalah tertakluk kepada CBP. Sebagai contoh, pembekalan perkhidmatan telekomunikasi untuk digunakan oleh operator KBC. Operator KBC boleh menuntut CBP yang telah dibayar bagi perkhidmatan itu sebagai kredit cukai inputnya.

LAYANAN CBP KE ATAS BARANG YANG DIBEKALKAN OLEH OPERATOR KBC

17. Barang yang diluluskan untuk dibekalkan oleh operator KBC yang terletak selepas pusat pemeriksaan imigresen di lapangan terbang dan pelabuhan sahaja diberi pelepasan daripada pengenaan CBP seperti yang ditetapkan di bawah Jadual Kedua, Butiran 3, Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan [Pelepasan] [Pindaan] [No.2] 2016.

TANGGUNGJAWAB DAN LIABILITI OPERATOR KBC

18. Operator KBC adalah bertanggungjawab untuk menyimpan rekod yang lengkap dan benar bagi semua pembekalan yang dibuat dan pembelian yang diperolehi. Tanggungjawab operator KBC juga merangkumi perkara berikut:

- (a) Jaminan Bank

Mesti mengemukakan jaminan bank atau bon untuk melindungi duti dan/ atau CBP yang kena dibayar ke atas barang yang dibekalkan di KBC;

(b) Rekod Stok

Mesti menyelenggara dan menyimpan rekod stok, rekod jualan, rekod jualan harian, penyata bulanan dan invois jualan;

(c) Penyata/ laporan audit

Operator KBC dikehendaki untuk menghantar penyata bulanan ke JKDM bagi jualan, perolehan dan rekod stoknya. Di samping itu, dia juga dikehendaki menghantar laporan audit tahunan yang disahkan kepada JKDM.

SOALAN LAZIM

Barang yang dibekalkan ke atau digunakan dalam KBC

S1. Adakah barang yang digunakan dalam KBC seperti air dan elektrik tertakluk kepada CBP?

J1. Ya, barang yang digunakan dalam KBC seperti utiliti adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

Perkhidmatan yang dibekalkan ke atau digunakan dalam KBC

S2. Apakah layanan CBP ke atas bayaran tambang untuk pengangkutan barang ke KBC?

J2. Bayaran tambang bagi pengangkutan barang ke KBC adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

S3. Mestikah saya membayar CBP ke atas insuran bagi pengangkutan barang ke KBC?

J3. Ya, insuran bagi pengangkutan dikenakan CBP pada kadar standard.

S4. Adakah perkhidmatan yang digunakan di KBC seperti caj kawalan keselamatan tertakluk kepada CBP?

J4. Ya, perkhidmatan yang digunakan dalam KBC seperti perkhidmatan kawalan keselamatan adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

Barang yang dibekalkan oleh operator KBC

S5. Adakah barang yang dijual di KBC yang terletak di pelabuhan atau lapangan terbang tertakluk kepada CBP?

J5. Barang yang dijual di KBC yang terletak selepas pusat pemeriksaan imigresen di lapangan terbang dan pelabuhan sahaja diberi pelepasan daripada dikenakan CBP seperti yang ditetapkan di bawah Jadual Kedua,

Butiran 3, Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan [Pelepasan][Pindaan][No.2] 2016 .

S6. Adakah rakyat Malaysia yang tinggal di Malaysia tetapi pulang dari luar negara layak untuk membeli barang tanpa duti dan CBP di KBC?

J6. Hanya pelancong tempatan yang telah berada di luar negara lebih dari 72 jam dibenarkan untuk membeli barang bebas cukai di KBC bagi kuantiti tertentu. Barang yang melebihi kuantiti yang dibenarkan adalah tertakluk kepada CBP. Pelancong tempatan tersebut mestilah menunjukkan bukti bahawa mereka telah berada di luar negara.

S7. Apakah layanan CBP ke atas barang yang dijual di KBC di sempadan seperti Bukit Kayu Hitam, Kedah?

J7. Semua barang yang dijual di KBC sempadan adalah dikenakan CBP pada kadar standard.

S8. Apakah layanan CBP ke atas barang yang dibeli oleh orang yang tidak layak di KBC lapangan terbang atau pelabuhan?

J8. Orang yang tidak layak yang membeli barang di KBC lapangan terbang atau pelabuhan perlu membayar CBP bagi pembelian berkenaan.

Tanggungjawab dan liabiliti operator KBC

S9. Sebagai operator KBC, adakah saya perlu mendaftar untuk CBP?

J9. Anda mesti mendaftar di bawah CBP jika perolehan bercukai tahunan anda melebihi daripada nilai ambang yang ditetapkan. Jualan barang bebas cukai adalah dianggap sebagai pembekalan bercukai.

S10. Bagaimana saya hendak mendaftar untuk CBP?

J10. Anda boleh mendaftar untuk CBP secara atas talian dan melampirkan dokumen sokongan yang berkaitan seperti lesen KBC, borang 24, borang 49 Akta Syarikat, salinan kad pengenalan atau pasport, dan pelan lokasi premis anda. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk *Panduan Pendaftaran*.

S11. Jika saya mengendali beberapa KBC di Malaysia, bolehkah saya mendaftar semua KBC itu di bawah satu pendaftaran CBP?

J11. Ya, anda boleh mendaftar sebagai satu entiti. Walau bagaimanapun, anda juga boleh memilih untuk mendaftar KBC anda secara berasingan di bawah pendaftaran cawangan. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk *Panduan Pendaftaran*.

S12. Apa terjadi jika barang rosak atau hilang di KBC?

J12. Dokumen berkaitan seperti laporan siasatan yang menerangkan punca kerosakan atau kehilangan dan kuantiti terlibat hendaklah dikemukakan kepada Ketua Pengarah dengan kadar segera. Walau bagaimanapun, CBP dikenakan ke atas barang rosak atau hilang melainkan remisi cukai diperolehi daripada Ketua Pengarah.

PERTANYAAN

1. Sebarang pertanyaan berkenaan panduan ini, boleh hubungi:

Sektor VI

Bahagian GST

Jabatan Kastam Diraja Malaysia

Aras 3 – 7, Blok A, Menara Tulus

No. 22, Persiaran Perdana, Presint 3

62100 Putrajaya.

Email: gstsector6@customs.gov.my.

BANTUAN ATAU MAKLUMAT LANJUT MENGENAI CBP

2. Maklumat lanjut mengenai CBP boleh didapati daripada:

(a) Laman web CBP : www.gst.customs.gov.my

(b) Pusat Panggilan Kastam :

- Tel : 03-7806 7200/ 1-300-888-500
- Faks : 03-7806 7599
- Emel : ccc@customs.gov.my

